

**NO. SOALAN : 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN DR. CHE ROSLI CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH JAWAPAN : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan hala tuju polisi campuran bahan api (*fuel mix policy*) untuk pembekalan elektrik pada masa hadapan dan apakah perancangan Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil seperti gas asli dan arang batu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara dasarnya, sektor elektrik di Malaysia bergantung kepada tiga bahan api penjanaan utama iaitu gas, arang batu dan hidro. Sungguhpun Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Lima Bahan Api pada tahun 2001 dengan mengambilkira tenaga boleh baharu (TBB) sebagai salah satu daripada sumber bahan api penjanaan elektrik, peratus sumbangan RE dalam campuran bahan api pada masa ini amatlah kecil. Penggunaan pelbagai campuran bahan api ini dibuat berdasarkan dua strategi penting iaitu menjamin keselamatan bekalan tenaga elektrik (mencukupi dan berdaya harap) dan juga harga yang berpatutan. Dalam hal ini, empat faktor utama yang diambil kira dalam menentukan campuran tenaga optimum adalah ketersediaan (*availability*), akses (*accessibility*), mampu bayar (*affordability*) dan kebolehtenerimaan (*acceptability*).
  
2. Kementerian sedang melaksanakan pembangunan loji berasaskan arang batu dan gas di Semenanjung dengan jumlah kapasiti keseluruhan

sebanyak 7400MW sehingga tahun 2020. Justeru itu, berdasarkan kepada kedudukan campuran bahan api pada masa ini, kebergantungan sektor penjanaan elektrik negara terhadap dua sumber bahan api fosil utama, iaitu gas dan arang batu, adalah diunjurkan kekal menjadi sumber utama bagi penjanaan elektrik khususnya bagi memenuhi permintaan *baseload* sehingga 2030.

3. Bagaimanapun, berpandukan kepada Dasar Lima Bahan Api campuran, pembangunan sumber hidro akan terus ditingkatkan dengan tambahan sebanyak hampir 805MW daripada potensi sumber hidro termasuk 372MW daripada Projek Hidroelektrik Ulu Jelai dan 250MW daripada Projek Hidroelektrik Ulu Terengganu di Semenanjung. Bagi langkah jangka panjang, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mendapatkan bekalan elektrik melalui sambungan dari Sarawak. Dalam pada itu, Kerajaan akan terus meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar, biomas dan biogas sebagai sumber sokongan kepada penggunaan bahan api fosil. Kerajaan juga sedang mengkaji potensi pelbagai sumber alternatif lain seperti geothermal, angin dan tenaga haba daripada laut (*ocean thermal energy*) dalam usaha menjamin keselamatan bekalan dengan harga yang berpatutan.

\*\*\*\*\*